

05/01/2002

Kerajaan tidak beri Misuari visa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan Malaysia tidak melayan sebarang permohonan bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari dan pengikutnya bagi mendapatkan visa dari kedutaan asing di sini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ini kerana kerajaan tetap menghantar pulang Misuari dan pengikutnya ke Filipina seperti yang dipersetujui dengan Manila.

"Perkara itu tidak perlu dilakukan Misuari kerana kita pegang janji kita kepada Manila. Dia tak boleh buat permohonan itu," katanya, di sini hari ini.

Peguam Misuari, Elly Pamatong, kelmarin dilaporkan berkata, akan mengemukakan permohonan rasmi kepada Kerajaan Malaysia bagi membenarkan bekas pemimpin Wilayah Mindanao serta pengikutnya memohon visa pelawat ke negara ketiga.

Permohonan itu meminta kerajaan Malaysia membenarkan anggota keluarga Misuari mengiringinya ke kedutaan asing, suruhanjaya tinggi atau pejabat konsul di sini bagi tujuan permohonan visa.

Pamatong hari ini menghantar surat rayuan terakhir kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membebaskan Misuari kerana didakwa penahanannya tidak lagi sah.

Sebelum ini, Pamatong turut memfailkan petisyen kepada Suruhanjaya Tinggi bagi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) di Amerika Syarikat dan Geneva, bagi membolehkan Misuari mendapat suaka politik.

Ditanya sama ada pendirian Malaysia akan berubah jika UNHCR meluluskan petisyen berkenaan, Syed Hamid berkata:

"Jangan buat spekulasi kerana pendirian kita tidak pernah berubah walaupun ada campur tangan pihak lain."

(END)